AL-QANATIR
INTERNATIONAL JOURNAL OF ISLAMIC STUDIES
eISSN: 2289-9944
Vol. 35. No. 11. November Issue (2026)

WA'D IN THE STRUCTURE OF ORGANIZED TAWARRUQ (*TAWARRUQ MUNAZZAM*): EXAMINING THE ISSUE OF *MUWA'ADAH* AND THE VALIDITY OF CONTRACTS

KEDUDUKAN *WA'D* DALAM STRUKTUR *TAWARRUQ MUNAZZAM*: ANALISIS TERHADAP ISU*MUWA'ADAH* DAN KESAHIHAN KONTRAK

Muhamad Mu'izz Abdullah[i], Fakhruddin Ibrahim[ii] & Muhammad Ismail Samsudin [iii]

[i] (*Corresponding author*). Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi Selangor, Malaysia. muizz@ukm.edu.my
[ii] Pelajar Sarjana, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi Selangor, Malaysia. Fakhruddinak14@gmail.com
[iii] Pelajar Sarjana, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi Selangor, Malaysia. samismail320@gmail.com

Article Progress
Received: *25 June 2026* ***Revised:*** *7 July 2026* ***Accepted****: 1 Aug 2026*

Abstract

Wa'd is one of the important elements in the implementation of organized tawarruq (tawarruq munazzam) by Islamic financial institutions in Malaysia. Although it is widely accepted as a mechanism of preliminary commitment prior to the execution of a contract, its position within the transaction structure and its relationship with muwa'adah remain matters of discussion in the fiqh al-mu'amalat literature. This study aims to evaluate the position and implications of the use of wa'd on contract validity within the structure of organized tawarruq from a fiqh perspective. A qualitative approach based on document analysis was employed, involving 21 banking products offered by seven Islamic financial institutions in Malaysia. The data were analysed thematically by examining the party giving the wa'd, its position within the transaction sequence, the form of bindingness, the implications of its use, and its relationship with the principal contract. The findings indicate that wa'd generally functions as a pre-contractual commitment that links the actions of the promising party to the subsequent execution of the contract, while also helping to reduce operational uncertainty and the risk of withdrawal before the contract is concluded. The product documentation analysed generally maintains a distinction between wa'd and the principal contract, thereby supporting contract validity from a technical fiqh perspective. However, the degree of bindingness of wa'd is not stated uniformly across the products, with some structures employing more stringent forms of commitment. Based on the documents analysed, no clear evidence was identified that the use of wa'd constitutes a mutually binding muwa'adah that produces the effect of a contract before the actual contract is executed. This study contributes to a clearer understanding of the position of wa'd, the variation in its binding nature, and its implications for the validity of organized tawarruq contracts in contemporary Islamic financial practice.

Keywords: *Wa'd,Tawarruq, Muwa'adah, Validity, Products.*

Abstrak *Wa'd merupakan antara elemen penting dalam pelaksanaan tawarruq munazzam oleh institusi kewangan Islam di Malaysia. Walaupun penggunaannya diterima secara meluas sebagai mekanisme komitmen awal sebelum akad, kedudukannya dalam struktur transaksi serta hubungannya dengan muwa'adah masih menjadi perbahasan dalam literatur fiqh mu'amalat. Kajian ini bertujuan menilai kedudukan dan implikasi penggunaan wa'd terhadap kesahihan kontrak dalam struktur tawarruq munazzam menurut perspektif fiqh. Kajian menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan analisis dokumen terhadap 21 produk perbankan yang ditawarkan oleh tujuh institusi kewangan Islam di Malaysia. Data dianalisis secara tematik dengan meneliti pihak yang memberikan wa'd, kedudukannya dalam urutan transaksi, bentuk keterikatan, implikasi penggunaannya serta hubungannya dengan akad utama. Dapatan mendapati bahawa wa'd lazimnya berfungsi sebagai komitmen pra-kontrak yang menghubungkan tindakan pihak yang berjanji dengan pelaksanaan akad pada peringkat berikutnya, di samping membantu mengurangkan ketidakpastian operasi dan risiko penarikan diri sebelum akad. Dokumentasi produk yang dianalisis secara umum masih membezakan wa'd daripada akad utama, sekali gus menyokong kesahihan kontrak dari sudut teknikal fiqh. Walau bagaimanapun, tahap keterikatan wa'd tidak dinyatakan secara seragam antara produk, dengan beberapa struktur menggunakan bentuk komitmen yang lebih tegas. Berdasarkan dokumen yang dianalisis, tidak dikenal pasti keterangan yang jelas bahawa penggunaan wa'd membentuk muwa'adah yang mengikat kedua-dua pihak secara serentak sehingga menghasilkan kesan akad sebelum akad sebenar dilaksanakan. Kajian ini menyumbang kepada pemahaman yang lebih jelas mengenai kedudukan wa'd, variasi keterikatannya dan implikasinya terhadap kesahihan kontrak tawarruq munazzam dalam amalan kewangan Islam kontemporari.*

Kata Kunci: *Wa'd, Tawarruq, Muwa'adah, Kesahihan, Produk.*

PENDAHULUAN

Perkembangan kewangan Islam kini menunjukkan pertumbuhan yang ketara, khususnya di Malaysia yang telah membentuk sistem dwiperbankan (*dual-banking system*) yang semakin aktif dan berkembang (Šeho et al., 2024). Keadaan ini menunjukkan bahawa perbankan Islam bukan lagi sekadar pelengkap kepada sistem konvensional, tetapi telah menjadi sebahagian penting dalam landskap kewangan semasa.

Dalam hal ini, perbankan Islam menyediakan alternatif kewangan yang selaras dengan kehendak Shari'ah di samping menjadi pilihan selain sistem konvensional (Farah et al., 2025). Namun begitu, perkembangan ini turut memerlukan pembinaan instrumen yang bukan sahaja patuh Shari'ah, tetapi juga kukuh dari sudut struktur kontrak agar pelaksanaannya tidak menimbulkan keraguan.

Dalam fiqh muamalat, *wa'd* merujuk kepada janji seseorang untuk melaksanakan sesuatu pada masa hadapan atas permintaan pihak lain yang pada asalnya mengikat dari sudut agama tetapi tidak semestinya dari sudut kehakiman sama ada berkaitan dengan akad atau perbuatan tertentu (Al-Nuri et al., 1992). Hal ini menunjukkan bahawa *wa'd* mempunyai kedudukan tersendiri dan tidak boleh disamakan secara langsung dengan akad.

Walau bagaimanapun, perkembangan semasa terhadap *wa'd* diiktiraf oleh majoriti ulama kontemporari sebagai janji yang mengikat serta berpotensi dikuatkuasakan dari sudut undang-undang apabila ia dimungkiri (Yaakub & Buang, 2017). Oleh itu, *wa'd* kini bukan lagi sekadar janji moral, tetapi turut mempunyai implikasi hukum dalam perundangan kewangan Islam moden.

Antara contoh aplikasi *wa'd* dalam kewangan Islam seperti kontrak *murabahah* kepada Pemesan Pembelian *(Murabahah to the Purchase Order (MPO))*, apabila *wa'd*

digunakan sebagai jaminan bahawa pelanggan akan membeli aset yang telah ditempah dan diperoleh oleh pihak bank (Zakaria et al., 2021). Ini menunjukkan bahawa fungsi *wa'd* telah berkembang daripada janji biasa kepada mekanisme yang menyokong struktur pembiayaan.

Menurut Al-Zuhayli (1997) dalam kitabnya *Fiqh al-Islami Wa Adillatuha* mengatakan bahawa *wa'd* berfungsi sebagai janji awal sebelum terbentuk kontrak jual beli dan ia bukan akad jual beli kerana struktur *murabahah* tertakluk kepada pemilikan, *qabd* dan syarat-syarat jual beli menurut syarak. Oleh itu, penggunaan *wa'd* dalam instrumen moden berbeza dengan maksud yang diberikan oleh ulama terdahulu.

Dalam konteks ini, aplikasinya banyak digunakan sebagai alat mengurangkan risiko dan gambarannya seolah-olah mengikat janji kedua-dua pihak berkontrak serta menyerupai *muwa'adah mulzimah* yang majoriti fuqaha menolaknya (Zakaria, 2023). Sehubungan dengan itu, pengaplikasian *wa'd* pada masa kini menimbulkan isu Shari'ah khususnya dalam kontrak komersial.

Tawarruq pada asasnya merujuk kepada mekanisme mendapatkan tunai melalui pembelian aset secara bertangguh pada harga yang lebih tinggi, kemudian menjualnya semula kepada pihak ketiga secara tunai pada harga yang lebih rendah (Al-Rushud, 2013). *Tawarruq* lazimnya dibahagikan kepada dua bentuk utama, iaitu *tawarruq fiqhi* yang bersifat klasik dan *tawarruq munazzam* yang distrukturkan secara terancang oleh institusi kewangan (Hasmad & Alosman, 2022).

Peralihan daripada bentuk klasik kepada bentuk ini menunjukkan bahawa *tawarruq* tidak lagi sekadar dibincangkan sebagai penyelesaian individu bagi keperluan tunai tetapi telah berkembang menjadi instrumen kewangan yang disesuaikan dengan kerangka operasi perbankan moden (Asni, 2022).

Sebagai perbandingan *tawarruq fiqhi* yang pada asalnya berlaku secara langsung antara pihak-pihak yang berkontrak manakala *tawarruq munazzam* dibina melalui susunan transaksi yang lebih kompleks serta disokong oleh beberapa elemen tambahan bagi menjamin kelancaran pelaksanaannya (Asni, 2022). Dalam konteks Malaysia, penggunaan *tawarruq munazzam* menjadi semakin dominan kerana instrumen ini diaplikasikan secara meluas dalam produk pembiayaan peribadi, deposit dan pengurusan kecairan institusi perbankan Islam (Hasmad & Alosman, 2022).

Kedudukan ini turut diperkukuh melalui pengiktirafan kawal selia apabila Bank Negara Malaysia (BNM) mengeluarkan dokumen polisi khusus yang menetapkan keperluan Shari'ah dan operasi bagi pelaksanaan *tawarruq* dalam industri kewangan Islam negara ini (Bank Negara Malaysia, 2018). Dalam struktur *tawarruq munazzam, wa'd* digunakan sebagai mekanisme komitmen awal yang menyokong keseluruhan transaksi (Asni & Sulong, 2018).

Dari sudut amalan, *wa'd mulzim* berfungsi untuk memastikan pelanggan meneruskan pembelian komoditi selepas bank memperolehnya sekali gus mengurangkan ketidakpastian operasi dan risiko kegagalan transaksi (Asni et al., 2023). Namun, dari sudut fiqh, penggunaan *wa'd* dalam struktur tersebut perlu diteliti dengan lebih mendalam supaya ia tidak melangkaui sifat asalnya sebagai janji sebelah pihak sehingga seolah-olah membentuk kontrak sebelum akad sebenar berlaku.

Namun demikian, pengukuhan fungsi *wa'd* dalam struktur ini turut menimbulkan polemik Shari'ah apabila ia melangkaui sifat janji unilateral biasa dan menghampiri fungsi yang lebih mengikat (Asni et al., 2023). Atas dasar itu, sebahagian sarjana mengkritik penggunaan *wa'd* dalam *tawarruq* kerana dikhuatiri berperanan sebagai *hilah* yang mengekalkan bentuk luaran patuh Shari'ah tetapi menimbulkan persoalan terhadap tujuan sebenar dalam sistem kewangan Islam pada hari ini (Kamil, 2020).

Oleh itu, isu utama bukan sekadar pada keharusan penggunaan *wa'd*, tetapi pada had fungsinya dalam struktur *tawarruq munazzam*. Sehubungan dengan itu, kajian ini bertujuan untuk menilai kedudukan dan implikasi penggunaan *wa'd* terhadap kesahihan kontrak dalam struktur *tawarruq munazzam* menurut perspektif fiqh.

Konsep *Wa'd* dan Kedudukannya dalam Mu'amalat

Menurut Wizarat al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah (1983–2006), konsep *wa'd* dari sudut bahasa merujuk kepada janji yang boleh digunakan bagi kebaikan dan keburukan, manakala *al-Wa'id* lebih khusus kepada ancaman keburukan. Definisi ini diperkukuh oleh Ibn Faris (1979) yang menekankan unsur penyempurnaan janji melalui istilah *anjaza al-wa'd*, iaitu menunaikan janji dengan sempurna.

Sementara itu, Al-Zamakhshari (1998) mentakrifkan *wa'd* sebagai pemberitahuan untuk menyampaikan sesuatu kebaikan pada masa hadapan. Persamaan antara ketiga-tiga rujukan ini menunjukkan bahawa *wa'd* secara asasnya bermaksud menunaikan janji yang baik pada masa hadapan. Namun, definisi bahasa ini masih belum memadai untuk menjelaskan implikasinya dalam transaksi kewangan Islam moden.

Dari sudut istilah fiqh, Al-Nuri et al. (1992) menjelaskan bahawa *wa'd* ialah tindakan seseorang menjanjikan pelaksanaan sesuatu yang diminta oleh pihak lain pada masa hadapan dan ia mengikat secara agama tetapi tidak semestinya mengikat secara kehakiman. Definisi ini selari dengan Al-Subki (1995) yang menegaskan bahawa menunaikan janji adalah wajib dari sudut *diyanah*, bukan *qada'a*.

Sebaliknya, Ibn Taymiyyah (1998) dan Ibn al-'Arabi (2003) memberikan penekanan lebih kuat dengan menyatakan bahawa menunaikan janji adalah wajib, kecuali jika terdapat keuzuran. Perbezaan ini menunjukkan bahawa kedudukan *wa'd* berada antara tuntutan moral dan kewajipan tuntutan agama.Perbahasan kontemporari menunjukkan bahawa perkem bangan *wa'd* daripada janji moral kepada instrumen kontrak.

Al-Zuhayli (1997) menjelaskan bahawa *wa'd* yang dibuat secara sepihak adalah mengikat secara agama, namun boleh menjadi mengikat secara kehakiman apabila dikaitkan dengan sebab tertentu dan penerima janji telah menanggung kos akibat janji tersebut. Pandangan ini mempunyai persamaan dengan keputusan Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (2017) yang menyatakan bahawa *wa'd* menjadi *mulzim* apabila dikaitkan dengan tindakan tertentu, masa atau peristiwa tertentu.

Namun, semakin kuat unsur penguatkuasaan *wa'd*, semakin besar risiko ia menghampiri kesan akad. Oleh itu, pemisahan antara janji dan kontrak perlu dianalisis secara berhati-hati. Kajian oleh Ionas (2023) menunjukkan bahawa *unilateral promise* dalam undang-undang sivil mempunyai persamaan dengan konsep *wa'd*, iaitu komitmen satu pihak untuk memeterai kontrak tertentu pada masa hadapan.

Namun, skop kajian Ionas (2023) berbeza kerana ia menumpukan sistem undang-undang sivil seperti Romania, Perancis, Belgium, Sepanyol dan Mexico, bukan fiqh muamalat Islam. Dari sudut metodologi, Ionas (2023) menggunakan pendekatan sejarah dan perbandingan yang kuat dari segi teori undang-undang tetapi terhad dari sudut aplikasi Shari'ah. Oleh itu, kajian tersebut berguna untuk memahami janji sepihak secara konseptual, namun belum menjawab isu *wa'd* dalam *tawarruq munazzam*, *muwa'adah* dan kesahihan kontrak.

Perbandingan antara *wa'd* dan *muwa'adah* menjadi penting kerana ia menentukan sempadan antara janji dan akad. Abdullah dan Ab Rahman (2015) mentakrifkan *wa'd* sebagai janji unilateral, manakala *muwa'adah* ialah janji dua hala yang tidak menyebabkan perpindahan milik serta-merta. Definisi ini selari dengan Saiman dan Hussain (2023) yang menegaskan bahawa *wa'd* ialah janji sepihak, manakala *muwa'adah* ialah janji dua hala yang boleh menyerupai jual beli tertangguh jika mengikat kedua-dua pihak.

Sebaliknya, Mohd Fadzil dan Ahmad (2025) menunjukkan pendekatan yang lebih terbuka apabila *muwa'adah* dianggap belum menjadi kontrak selagi akad sebenar hanya dimeterai pada masa hadapan. Keseluruhan kajian tidak mendefinisikan makna yang berbeza terhadap *wa'd* dan *muwa'adah*. Dalam konteks keputusan Syariah semasa, Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (2017) memberi penjelasan yang lebih praktikal tentang sempadan antara *wa'd*, *muwa'adah* dan akad.

MPS memutuskan bahawa *wa'd* ialah janji untuk melakukan sesuatu tindakan patuh Syariah pada masa hadapan, dan ia boleh menjadi mengikat apabila dikaitkan dengan tindakan, masa atau peristiwa tertentu. Bagi *muwa'adah mulzimah*, Majlis Penasihat Syariah

(MPS) menjelaskan bahawa ia tetap berbentuk janji timbal balik yang mengikat antara dua pihak dan belum dianggap sebagai akad kerana kontrak sebenar hanya berlaku pada masa hadapan.

Perkara ini disokong oleh 'Uthmani (2000) yang menyebut bahawa *muwa'adah* merupakan dua *wa'd* yang bertimbal balik dan statusnya kekal sebagai *wa'd* dan tidak berubah menjadi kontrak. Namun, jika berlaku kemungkiran, pihak yang terjejas hanya boleh menuntut ganti rugi atas kerugian sebenar, dan tidak boleh memaksa pelaksanaan terhadap janji yang diberikan.

Penjelasan ini penting kerana ia menunjukkan bahawa MPS cuba mengekalkan perbezaan antara janji dan akad, walaupun kedua-duanya boleh memberi kesan undang-undang dalam amalan kewangan Islam. Dari sudut aplikasi dalam industri, Zakaria et al. (2021) menjelaskan bahawa Malaysia menggunakan *wa'd* sebagai alat pengurusan risiko dalam produk kewangan Islam.

Menurutnya juga, *wa'd* dibenarkan dengan syarat ia tidak menghapuskan risiko sepenuhnya, dilaksanakan secara berasingan daripada kontrak utama dan ganti rugi hanya dikenakan atas kerugian sebenar. Walau bagaimanapun, ia turut menunjukkan bahawa resolusi sedia ada belum memperincikan kriteria "kerugian sebenar" secara mendalam. Hal ini menunjukkan wujudnya jurang antara teori dan aplikasi kerana konsep *wa'd* diterima secara Shari'ah tetapi mekanisme pengukuran kerugian masih belum cukup jelas.

Aplikasi *wa'd* menjadi lebih kompleks apabila digunakan dalam *derivatif*, *opsyen*, *swap* dan produk lindung nilai. Ghazali et al. (2025) menunjukkan bahawa *wa'd mulzim* boleh berfungsi sebagai kerangka untuk menstruktur instrumen yang menyerupai *opsyen*, dengan syarat ia berpaksikan transaksi ekonomi sebenar dan bukan spekulasi. Sebaliknya, ElSheimy (2026) mengkritik model Islamic Profit Rate Swap (IPRS) yang bergantung kepada *double wa'd* kerana pelaksanaannya boleh menyerupai *muwa'adah* yang mengikat.

Perbezaan dapatan antara Ghazali et al. (2025) dan ElSheimy (2026) menunjukkan bahawa isu utama bukan sekadar keboleharusan *wa'd*, tetapi sejauh mana penggunaannya benar-benar mengekalkan hubungan dengan aset sebenar dan tidak menjadi *hilah* kontrak.

Dalam konteks polisi, Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (2017) membenarkan aplikasi *wa'd* dan *muwa'adah* dalam instrumen tertentu seperti *musyarakah mutanaqisah*, Nota Boleh Niaga Bank Negara berasaskan *ijarah* (NBNBN-Ijarah), *bai' al-sarf*, *opsyen* mata wang asing dan Term Repo-i, dengan parameter seperti tujuan lindung nilai, penggunaan *Hamish Jiddiyyah*, ketiadaan *fi* atas *wa'd* dan tuntutan ganti rugi berdasarkan kerugian sebenar.

Namun, perbandingan antara keputusan Bank Negara Malaysia (2010) dan Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (2017) menunjukkan wujud perubahan pendekatan terhadap *muwa'adah mulzimah*. Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia (2010) lebih berhati-hati kerana bimbang ia menyerupai akad jual beli manakala Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia (2017) membenarkannya dengan alasan kontrak sebenar belum dimeterai. Perbezaan pada keputusan resolusi terhadap *muwa'adah mulzimah* ini disebabkan berbeza pandangan dan hujah ketika itu.

Secara keseluruhannya, kajian terdahulu menunjukkan bahawa konsep *wa'd* tidak lagi dilihat hanya sebagai janji dari sudut moral dan agama, tetapi turut digunakan sebagai mekanisme penting dalam kewangan Islam moden. Walaupun asas konsep ini telah dibincangkan dengan baik dari sudut bahasa, fiqh dan keputusan Syariah, penggunaannya dalam industri masih memerlukan penelitian yang lebih jelas.

Hal ini kerana *wa'd* yang digunakan secara mengikat atau melibatkan janji dua hala boleh menimbulkan kekeliruan antara *wa'd*, *muwa'adah* dan akad sebenar. Jurang utama yang dapat dilihat ialah perkembangan produk kewangan Islam kadangkala lebih cepat berbanding perbincangan teori fiqh yang menyokongnya. Oleh itu, kajian lanjut masih diperlukan bagi menilai penggunaan *wa'd* dalam amalan sebenar supaya selari dengan prinsip Syariah, jelas dari sudut pelaksanaan dan tidak menjejaskan kesahihan kontrak.

Konsep *Tawarruq* dan Kedudukannya dalam *Mu'amalat*

Menurut Al-Rushud (2013), *tawarruq* merujuk kepada mekanisme mendapatkan tunai melalui pembelian aset secara bertangguh pada harga lebih tinggi, kemudian menjualnya kepada pihak ketiga secara tunai pada harga lebih rendah. Definisi ini selari dengan Aprianto dan Nazilah (2023) yang mengaitkan *tawarruq* dengan istilah *wariq*, iaitu wang tunai serta menekankan unsur pembelian kredit dan jualan semula kepada pihak ketiga.

Namun, perbezaan muncul pada penekanan hukum apabila kajian tersebut menunjukkan wujud perdebatan antara ulama yang melihat *tawarruq* sebagai solusi kecairan dan ulama yang mengkritiknya kerana berpotensi menyerupai *riba.* Kajian oleh Hasmad dan Alosman (2022) menunjukkan bahawa *tawarruq* moden berkembang sebagai alternatif kepada *bay' al-'inah* dalam perbankan Islam Malaysia.

Dari sudut konsep, mereka melihat *tawarruq* bukan hanya sebagai transaksi individu tetapi sebagai struktur perbankan yang digunakan secara meluas dalam pembiayaan peribadi, perumahan, kad kredit dan akaun deposit. Sebaliknya, Dewaya (2024) menilai *tawarruq munazzam* sebagai bentuk inovasi kewangan yang masih dipertikai kerana boleh menjadi *hilah* untuk menghasilkan kesan ekonomi yang hampir sama dengan pinjaman berasaskan *riba.*

Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh fokus kajian yang berbeza, iaitu antara keluasan aplikasi dan penilaian kritikal terhadap aspek substantif *tawarruq munazzam*. Dari sudut jenis-jenis *tawarruq*, kajian terdahulu menunjukkan bahawa *tawarruq* tidak bersifat tunggal, sebaliknya berkembang kepada beberapa bentuk mengikut cara pelaksanaan dan tujuan transaksi.

Zakaria (2023) membahagikan *tawarruq* kepada empat jenis utama, iaitu *tawarruq fiqhi* atau *fardi*, *tawarruq munazzam*, *tawarruq 'aksi* dan *tawarruq mundhabit*. *Tawarruq fardi* merujuk kepada bentuk asal apabila individu membeli aset secara bertangguh, kemudian menjualnya sendiri kepada pihak ketiga secara tunai bagi mendapatkan kecairan. Konsep ini lebih hampir dengan transaksi klasik kerana pembeli mempunyai kebebasan menjual aset tanpa pengaturan awal oleh institusi. Tujuannya ialah mendapatkan tunai secara sah melalui jual beli sebenar.

Berbeza dengan bentuk klasik, *tawarruq munazzam* merujuk kepada *tawarruq* yang disusun secara terancang oleh institusi kewangan. Menurut Hasmad dan Alosman (2022), dalam bentuk moden ini bank lazimnya bertindak sebagai ejen pelanggan untuk menjual semula komoditi kepada pihak ketiga. Dewaya (2024) turut menjelaskan bahawa *tawarruq munazzam* melibatkan proses sistematik apabila bank mengatur pembelian dan penjualan komoditi bagi menghasilkan tunai kepada pelanggan.

Tujuannya lebih bersifat institusi, iaitu menyediakan pembiayaan, kecairan dan produk perbankan Islam. Namun, jenis ini paling banyak dikritik kerana wujud unsur pengaturan awal, dwi-agensi dan pemilikan komoditi yang kadangkala hanya bersifat teknikal. Selain itu, *tawarruq 'aksi* atau *reverse tawarruq* merujuk kepada struktur yang hampir sama dengan *tawarruq munazzam*, tetapi kedudukan pihak yang memerlukan kecairan berubah.

Zakaria (2023) menjelaskan bahawa dalam *tawarruq 'aksi*, institusi kewangan menjadi pihak yang memerlukan kecairan daripada pelanggan, khususnya dalam produk deposit atau pelaburan. Sementara itu, *tawarruq mundhabit* pula merujuk kepada bentuk *tawarruq* yang lebih terkawal bebas daripada pengaturan awal yang ketat dan bertujuan mengekalkan keaslian jual beli.

Walaupun *tawarruq* ini hanya sekadar teori dan belum diaplikasi dalam mana-mana perbankan, ia menjadi satu keperluan bagi menambah baik konsep *tawarruq* pada masa kini. Secara keseluruhannya, perbezaan antara jenis-jenis *tawarruq* bukan hanya pada istilah tetapi pada tahap pelaksanaan, pihak yang terlibat, tujuan transaksi dan risiko Sharia'h yang timbul.

Dari sudut metodologi, kajian-kajian terdahulu menunjukkan dapatan yang berbeza kerana pendekatan yang digunakan juga berbeza. Hasmad dan Alosman (2022) serta Dewaya (2024) menggunakan pendekatan kualitatif berasaskan kajian literatur dan

dokumen, lalu menumpukan perbahasan konsep, polisi dan kritikan Sharia'h. Sebaliknya, Amin et al. (2022) menggunakan pendekatan kuantitatif melalui soal selidik terhadap 456 responden bagi menilai keutamaan pengguna terhadap pembiayaan *tawarruq* berasaskan maqasid.

Pendekatan ini memberi dapatan yang lebih bersifat persepsi pengguna manakala kajian dokumen lebih menonjolkan isu hukum, struktur dan pematuhan Sharia'h. Aplikasi *tawarruq* dalam konteks Malaysia lebih jelas apabila dikaitkan dengan perbankan Islam dan platform dagangan komoditi. Kajian oleh Saeed et al. (2025) mengaplikasikan konsep *tawarruq munazzam* dalam konteks Bursa Suq al-Sila' dan mendapati bahawa platform tersebut membantu membuktikan pemilikan komoditi melalui sijil elektronik.

Namun, aplikasi tersebut masih terhad kerana pematuhan maqasid dianggap separa apabila transaksi lebih menjurus kepada penciptaan hutang berbanding aktiviti ekonomi produktif. Hal ini menunjukkan bahawa walaupun struktur operasi semakin tersusun, persoalan tentang nilai sebenar transaksi dan sumbangannya kepada ekonomi masih belum selesai.

Kajian oleh Mohd Tarmizi et al. (2023) pula memperluas aplikasi *tawarruq* kepada sistem teras perbankan Islam di Malaysia. Objektif kajian mereka bukan sekadar menilai hukum *tawarruq*, tetapi meneliti bagaimana kontrak itu diterjemahkan dalam sistem teknologi agar mematuhi IFSA 2013 dan keperluan Bank Negara Malaysia. Dapatan mereka menunjukkan bahawa jujukan transaksi sangat penting kerana kesilapan sistem, seperti pengeluaran wang sebelum transaksi komoditi selesai boleh menyebabkan pendapatan bank menjadi tidak patuh Sharia'h.

Ini membuktikan bahawa metodologi yang meneliti operasi sebenar mampu mendedahkan jurang praktikal yang tidak kelihatan dalam kajian teori semata-mata. Dalam konteks isu penggunaan berlebihan, Ishak et al. (2025) menggunakan prinsip *ma'alat* untuk menilai kesan jangka panjang kebergantungan tinggi kepada *tawarruq* dalam perbankan Islam Malaysia.

Kajian tersebut menunjukkan bahawa walaupun *tawarruq* boleh diterima dari sudut hukum asas, penggunaannya secara dominan boleh membawa risiko tumpuan, reputasi dan persamaan dengan perbankan konvensional. Dapatan ini berbeza daripada kajian yang lebih menekankan keberkesanan *tawarruq* sebagai alat kecairan. Perbezaan tersebut mungkin disebabkan oleh objektif kajian yang menilai kesan masa hadapan, bukan hanya kesahan struktur kontrak pada peringkat pelaksanaan.

Secara keseluruhannya, masih wujud ketidakselarasan dalam definisi konsep *tawarruq* khususnya antara kefahaman klasik sebagai transaksi individu dengan aplikasi moden sebagai produk perbankan tersusun. Selain itu, kekurangan kerangka yang sistematik menyebabkan jenis-jenis *tawarruq* seperti *fardi*, *munazzam*, *'aksi* dan *mundhabit* kadangkala dijelaskan secara berbeza mengikut fokus kajian.

Dari sudut aplikasi, pendekatan sedia ada masih terhad kepada pematuhan struktur, kecairan dan keperluan pasaran, sedangkan kesan maqasid, risiko hutang dan realiti operasi belum dibincangkan secara menyeluruh. Hal ini menunjukkan keperluan kepada pendekatan yang lebih menyeluruh. Perbincangan ini menunjukkan kewujudan jurang antara teori dan aplikasi (*theory-practice gap*), yang memerlukan pendekatan yang lebih kukuh dan kefahaman konsep serta memperluas aplikasinya dalam konteks semasa.

Kesahihan Kontrak dalam Islam

Menurut Mohammadi dan Jan (2024), prinsip kesahihan kontrak dalam Islam tidak hanya bergantung pada lafaz zahir, tetapi turut melibatkan niat, kerelaan dan pilihan pihak berkontrak. Kajian mereka menunjukkan bahawa *niyyah* boleh dikenal pasti melalui perkataan, tindakan, adat dan konteks transaksi. Dapatan ini membuktikan bahawa kontrak Islam memberi perhatian kepada maksud sebenar pihak berakad bukan sekadar bentuk luaran kontrak.

Namun, dapatan ini lebih bersifat teori kerana menumpukan analisis fiqh dan undang-undang kontrak secara umum. Implikasinya, sesuatu kontrak boleh dipersoalkan

jika wujud paksaan, kesilapan atau ketiadaan kerelaan yang jelas, walaupun dokumen kontrak kelihatan lengkap dari sudut formal.

Kajian oleh Bantekas (2024) pula menunjukkan bahawa prinsip kesahihan kontrak Islam berkait rapat dengan pembahagian kontrak kepada *sahih*, *fasid* dan *batil*. Kontrak yang sah ialah kontrak yang memenuhi unsur asas seperti *sighah*, pihak berkontrak (penjual dan pembeli) dan perkara kontrak (*mahal al-aqd*). Sebaliknya, kontrak *fasid* mempunyai asas yang sah tetapi rosak pada sifat tertentu, manakala kontrak *batil* rosak pada asasnya.

Dapatan ini penting kerana ia menjelaskan bahawa unsur yang menjejaskan kontrak tidak memberi kesan yang sama. Ada unsur yang membatalkan kontrak sepenuhnya dan ada unsur yang masih boleh diperbaiki. Namun, pendekatan ini boleh dipersoalkan apabila diaplikasikan dalam sistem perundangan moden yang tidak selalu memahami perbezaan fiqh tersebut.

Dalam aspek pembetulan kontrak, kajian oleh Abdullah Thaidi et al. (2024) menunjukkan bahawa kontrak *fasid* boleh berlaku apabila terdapat pelanggaran syarat berkaitan perkara kontrak, terma atau kapasiti pihak berkontrak. Dapatan kajian ini lebih praktikal kerana mengenal pasti mekanisme pembetulan seperti pindaan kontrak, pembaharuan kontrak, pembatalan, penghapusan unsur *riba*, pemulangan komponen haram dan pemisahan antara transaksi halal dengan haram.

Hal ini menunjukkan bahawa prinsip Sharia'h tidak hanya menghukum kontrak sebagai sah atau batal, tetapi turut menyediakan ruang pemulihan. Namun, dapatan ini masih memerlukan perincian lanjut tentang tahap kerosakan kontrak, sama ada kecil, sederhana atau besar. Dari sudut unsur yang menjejaskan kontrak, Mohd Noh et al. (2025) menumpukan kepada *gharar* sebagai unsur ketidakpastian dalam transaksi kewangan Islam moden.

Kajian mereka menunjukkan bahawa *gharar* masih berpusat pada maksud ketidakjelasan, tetapi tahapnya berbeza mengikut jenis kontrak dan struktur produk. Dapatan tersebut membuktikan bahawa *gharar* tidak boleh dinilai secara terlalu umum kerana kontrak jual beli, pajakan dan perkongsian mempunyai tahap toleransi risiko yang berbeza. Namun, dapatan ini terhad kerana tiada tanda aras objektif atau formula khusus untuk mengukur *gharar*. Hal ini menimbulkan persoalan terhadap konsistensi penilaian Sharia'h dalam produk kewangan kompleks seperti *derivatif* dan aset digital.

Kajian oleh Abdul Razak et al. (2025) memperluas perbincangan unsur yang menjejaskan kontrak kepada sistem e-pembayaran. Mereka mendapati bahawa kontrak digital perlu bebas daripada *gharar* dan *maysir*, selain mesti berasaskan ketelusan, keadilan, keselamatan dan amanah. Dapatan ini menyokong prinsip bahawa kesahan kontrak bukan hanya bergantung pada akad, tetapi juga pada perlindungan pengguna dan kejelasan terma.

Dalam konteks Malaysia dan Indonesia, kerangka undang-undang seperti IFSA 2013 dan peraturan digital dilihat membantu perlindungan pengguna. Namun, aplikasi prinsip ini masih terhad kerana perkembangan teknologi kewangan lebih pantas daripada penyelarasan etika Islam dan kawal selia Sharia'h yang khusus. Sebaliknya, Ahmad et al. (2024) mendapati bahawa kontrak pintar masih menimbulkan persoalan besar dari sudut teori kontrak Islam.

Kajian tersebut menunjukkan bahawa penggunaan identiti samaran boleh membawa kepada *gharar* kerana pihak berkontrak tidak dikenal pasti dengan jelas. Selain itu, kontrak pintar boleh dimanipulasi untuk aktiviti tidak patuh Sharia'h seperti skim Ponzi, perjudian digital dan perdagangan haram. Walaupun kod komputer boleh dianggap sebagai bentuk penulisan kontrak, kelemahannya ialah ia sukar dipantau oleh pihak berkuasa.

Dapatan ini menunjukkan bahawa teknologi boleh memudahkan kontrak, tetapi pada masa yang sama boleh menjejaskan prinsip kerelaan, kejelasan pihak dan kesahan perkara kontrak. Perbandingan antara kajian terdahulu menunjukkan bahawa isu kajian mempengaruhi tafsiran prinsip Sharia'h yang digunakan. Kajian yang menumpukan teori kontrak lebih menekankan niat, *sighah*, kerelaan dan klasifikasi kontrak, manakala kajian

berkaitan kewangan moden lebih menumpukan unsur seperti *riba*, *gharar*, *maysir*, manipulasi, penipuan dan ketidakjelasan identiti.

Perbezaan ini mungkin disebabkan oleh objektif kajian yang berbeza, sebahagiannya ingin membina asas teori, manakala sebahagian lagi mahu menilai risiko praktikal dalam industri. Dari sudut metodologi, kajian berasaskan perundangan Islam memberi kekuatan pada hujah fiqh, manakala kajian temu bual dan analisis sistem lebih jelas menunjukkan cabaran pelaksanaan sebenar.

Secara kritikal, dapatan kajian terdahulu menunjukkan bahawa prinsip Sharia'h dalam kontrak mempunyai asas yang kukuh, tetapi aplikasinya dalam amalan semasa masih berdepan cabaran. Unsur seperti *riba*, *gharar* dan *maysir* sering disebut sebagai faktor utama yang menjejaskan kontrak, namun unsur baharu seperti identiti digital, manipulasi sistem, persetujuan tersirat dan kelemahan perlindungan pengguna memerlukan perhatian lebih serius.

Kekuatan kajian terdahulu ialah kemampuannya menjelaskan prinsip asas dan risiko utama, tetapi kelemahannya ialah masih kurang analisis yang menghubungkan prinsip fiqh klasik dengan sistem kewangan digital secara menyeluruh. Kesannya, penilaian kesahan kontrak moden kadangkala masih bergantung pada pendekatan kes demi kes.

Secara keseluruhannya, masih wujud kelemahan dalam pemahaman prinsip kesahihan kontrak apabila sebahagian perbincangan terlalu menumpukan aspek teori tanpa menjelaskan ukuran praktikal bagi menilai kesan sesuatu unsur terhadap kontrak. Selain itu, unsur yang menjejaskan kontrak juga tidak sentiasa diklasifikasikan secara konsisten, khususnya apabila melibatkan transaksi kewangan moden yang lebih kompleks.

Dapatan sedia ada pula masih terbatas kerana sebahagian kajian menilai prinsip secara umum, sedangkan aplikasi sebenar dalam industri memerlukan penelitian operasi yang lebih mendalam. Oleh itu, perbincangan mengenai prinsip kesahihan kontrak ini penting sebagai asas untuk menilai penggunaan instrumen muamalat moden yang melibatkan janji, aturan transaksi dan pelaksanaan jual beli berturutan.

Dalam konteks kajian ini, prinsip tersebut menjadi kerangka awal bagi menilai sama ada struktur yang digunakan mengekalkan ciri kontrak yang sah atau berpotensi menimbulkan unsur yang menjejaskan kesahihan akad.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah analisis dokumen bagi menilai kedudukan dan implikasi penggunaan *wa'd* terhadap kesahihan kontrak dalam struktur *tawarruq munazzam*. Pendekatan ini dipilih kerana kajian memberi tumpuan kepada penelitian kandungan, istilah, klausa dan susunan kontrak yang terkandung dalam dokumen rasmi produk kewangan Islam, bukannya pengukuran statistik atau persepsi responden (Zaidi, 2024).

Data kajian terdiri daripada dokumen rasmi bagi 21 produk perbankan yang ditawarkan oleh tujuh institusi kewangan Islam di Malaysia. Dokumen tersebut merangkumi *Product Disclosure Sheet* (PDS), terma dan syarat, borang permohonan serta lampiran produk yang berkaitan. Pemilihan dokumen dilakukan secara pensampelan bertujuan berdasarkan beberapa kriteria, iaitu produk menggunakan struktur *tawarruq* atau *commodity murabahah*, menyatakan penggunaan *wa'd*, *promise* atau *undertaking*, diterbitkan oleh institusi kewangan Islam di Malaysia dan boleh diakses secara terbuka.

Data dianalisis menggunakan analisis tematik melalui proses pembacaan, pengekodan dan pengelompokan data (Ahmed et al., 2025). Pengekodan dilakukan dengan meneliti pihak yang memberikan *wa'd*, kedudukannya dalam urutan transaksi, bentuk keterikatan, implikasi penggunaannya serta hubungannya dengan akad utama. Kod yang dikenal pasti kemudiannya dikelompokkan berdasarkan tiga tema analisis, iaitu kedudukan *wa'd* dalam struktur *tawarruq*, implikasi penggunaannya terhadap pihak bertransaksi dan kesannya terhadap kesahihan kontrak.

Dapatan daripada dokumen produk turut dibandingkan dengan dokumen polisi Bank Negara Malaysia, resolusi Syariah, piawaian AAOIFI, peraturan Bursa Suq Al-Sila' serta sumber fiqh bagi memastikan tafsiran yang dibuat lebih kukuh dan seimbang.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Kedudukan *Wa'd* dalam *Tawarruq* bagi Produk Perbankan di Malaysia

Dapatan kajian menunjukkan bahawa *wa'd* merupakan salah satu elemen penting dalam struktur *tawarruq* yang diaplikasikan oleh institusi kewangan Islam di Malaysia. Analisis terhadap 21 produk daripada tujuh institusi perbankan merangkumi kategori pembiayaan, deposit dan kontrak pertukaran mata wang asing. Pola analisis menunjukkan bahawa *wa'd* lazimnya ditempatkan sebelum pelaksanaan akad utama dan berfungsi sebagai komitmen awal yang menghubungkan pihak-pihak bertransaksi dengan pelaksanaan akad mengikut urutan yang telah ditetapkan.

Jadual 1: Kedudukan *Wa'd* Dalam *Tawarruq Munazzam* Bagi Produk-Produk Perbankan Di Malaysia

Bil	Bank	Kategori	Produk	Kedudukan *Wa'd*
1	AmBank Islamic	Pembiayaan	SME Term Financing-i, PENJANA Tourism Financing-i, MTQ Personal Financing-i, Credit Card-i	Pemohon → Bank
2	AmBank Islamic	Deposit	TRUE Savers Account-i	Bank → Pelanggan
3	Bank Islam	Pembiayaan	TWCF-i (Belian), LC-i	Pemohon → Bank
4	Bank Rakyat	Pembiayaan	Personal Financing-i (Fixed & Floating Rate), TTF-i, CBF-i, Home Financing-i (Manzili), Education Financing-i, Micro Financing-i	Pemohon → Bank
5	Maybank Islamic	Pembiayaan	BRF-i / LC-i, SME Property & Business Financing-i	Pemohon → Bank
6	Maybank Islamic	Kontrak FX	Promissory Foreign Exchange-i (PFX-i) *PFX-i tidak ditemui sebagai PDS berasingan, tetapi dinyatakan sebagai kemudahan/sub-produk dalam PDS dan appendix Maybank Islamic.	Pemohon → Bank
7	Public Islamic Bank	Pembiayaan	FCY Term Financing-i	Pemohon → Bank
8	RHB Islamic Bank	Deposit	Commodity Murabahah Deposit-i (CMD-i)	Bank → Pelanggan
9	RHB Islamic Bank	Pembiayaan	Personal Financing-i (Sektor Swasta)	Pemohon → Bank
10	CIMB Islamic Bank	Pembiayaan	Pembiayaan Peribadi Awam-i	Pemohon → Bank

Sumber: Analisis pengkaji berdasarkan dokumen produk yang disenaraikan dalam rujukan

Berdasarkan analisis keseluruhan produk sebagaimana diringkaskan dalam Jadual 1, kedudukan *wa'd* membentuk pola yang agak konsisten mengikut fungsi dan struktur produk. Dalam majoriti produk pembiayaan, *wa'd* diberikan oleh pelanggan kepada institusi kewangan. Susunan yang berbeza turut dikenal pasti dalam produk deposit apabila institusi kewangan bertindak sebagai pihak yang memberikan komitmen kepada pelanggan.

Perbezaan ini bermakna arah *wa'd* tidak bersifat tetap, sebaliknya bergantung pada kedudukan pihak dan tujuan transaksi. Meskipun arah komitmen berbeza, fungsi asasnya relatif konsisten, iaitu sebagai komitmen yang mendahului atau berkait dengan pelaksanaan akad utama. Hasil pengekodan turut mendapati bahawa *wa'd* secara dominan berada pada peringkat pra-akad.

Dalam struktur pembiayaan berasaskan *tawarruq*, pelanggan terlebih dahulu memberikan komitmen untuk membeli komoditi sebelum institusi kewangan memperoleh komoditi tersebut dan melaksanakan akad *Murabahah*. Susunan sedemikian dikenal pasti dalam beberapa kategori pembiayaan, termasuk pembiayaan peribadi, perdagangan, pendidikan, perumahan dan pembiayaan perusahaan. Walaupun tujuan pembiayaan berbeza, kedudukan asas *wa'd* hampir seragam kerana komitmen tersebut mendahului pemerolehan komoditi dan pelaksanaan akad pada peringkat berikutnya.

Hubungan antara *wa'd*, pemerolehan komoditi dan akad *Murabahah* dinyatakan secara langsung dalam beberapa dokumen produk. Dalam Tawarruq Trade Financing, misalnya, dokumen menyebut bahawa *"based on Wa'd from the customer, the bank will purchase commodity from a commodity trader and then sells the commodity to the customer"* (Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, 2021a).

Berdasarkan klausa tersebut, *wa'd* diberikan oleh pelanggan terlebih dahulu sebelum bank memperoleh komoditi daripada pedagang dan menjualnya semula kepada pelanggan. Jual beli dengan itu tidak terbentuk ketika janji diberikan. Sebaliknya, *wa'd* berfungsi sebagai komitmen awal yang menghubungkan tindakan pelanggan dengan pembentukan akad pada peringkat berikutnya.

Kedudukan pra-akad yang sama turut terdapat dalam dokumen yang menggunakan bahasa keterikatan lebih tegas. Dalam TWCF-i (Belian), pelanggan dinyatakan *"irrevocably and unconditionally promises (Wa'd) and undertakes to purchase the goods from the Bank"* (Bank Islam Malaysia Berhad, 2023a). Walaupun klausa tersebut memberikan bentuk komitmen yang lebih kuat, *wa'd* masih mendahului akad *Murabahah*.

Janji untuk membeli diberikan terlebih dahulu, sedangkan jual beli hanya dilaksanakan selepas bank memperoleh komoditi. Keadaan ini menunjukkan bahawa variasi tahap keterikatan tidak semestinya mengubah kedudukan *wa'd* sebagai mekanisme pra-akad. Variasi yang lebih ketara dikenal pasti dalam produk deposit. Berbeza daripada pola dominan pelanggan kepada institusi kewangan dalam produk pembiayaan, struktur deposit turut melibatkan institusi kewangan sebagai pihak yang memberikan *wa'd* kepada pelanggan.

Dalam TRUE Savers Account-i, *wa'd* ditakrifkan sebagai *"a promise or undertaking given by the Bank to the Customer"* (AmBank Islamic Berhad, 2025c). Dalam struktur deposit yang lain, komitmen tersebut turut disokong oleh *Hamish Jiddiyyah* sebagai deposit jaminan kepada *undertaking* sebelum akad jual beli dilaksanakan (RHB Islamic Bank Berhad, 2025c). Oleh itu, fungsi *wa'd* perlu ditafsir berdasarkan keseluruhan struktur transaksi dan tidak hanya berdasarkan identiti pihak yang memberikan janji.

Sama ada komitmen datang daripada pelanggan atau institusi kewangan, *wa'd* masih perlu dibezakan daripada akad jual beli yang berlaku kemudian. Pemisahan antara *wa'd* dengan akad juga dapat dikenal pasti dalam transaksi pertukaran mata wang yang dianalisis. Dalam struktur tersebut, *wa'd* berfungsi sebagai *undertaking* pelanggan untuk

membeli atau menjual mata wang pada tarikh hadapan berdasarkan parameter yang telah dipersetujui, manakala akad *Bai' al-Sarf* hanya dilaksanakan pada tarikh transaksi sebenar.

Walaupun pertukaran mata wang bukan akad *tawarruq*, struktur ini membantu menjelaskan ciri penting *wa'd*, iaitu komitmen boleh diberikan lebih awal tanpa menyebabkan akad utama terbentuk secara serta-merta. Contoh tersebut digunakan dalam analisis ini untuk menerangkan fungsi *wa'd*, bukan sebagai asas penentuan kesahihan *tawarruq munazzam*.

Dari sudut fiqh, pola yang dikenal pasti bertepatan dengan kedudukan *wa'd* sebagai janji untuk melakukan sesuatu tindakan pada masa hadapan. Bank Negara Malaysia (2017) menjelaskan bahawa *wa'd* boleh menjadi mengikat apabila dikaitkan dengan tindakan, masa atau peristiwa tertentu. Dalam produk yang dianalisis, tindakan tersebut lazimnya berkaitan dengan pembelian komoditi atau penerimaan akad *Murabahah* selepas komoditi diperoleh oleh institusi kewangan.

Dapatan ini turut selari dengan Zakaria et al. (2021) yang menghuraikan fungsi *wa'd* sebagai mekanisme pengurusan risiko dengan syarat penggunaannya tidak menghapuskan risiko sepenuhnya dan kekal berasingan daripada akad utama. Secara keseluruhannya, kedudukan *wa'd* dalam produk yang dianalisis dapat dirumuskan melalui tiga aspek. Pertama, arah *wa'd* bergantung pada struktur produk, dengan komitmen daripada pelanggan kepada institusi kewangan lebih dominan dalam pembiayaan, manakala susunan sebaliknya turut wujud dalam produk deposit.

Kedua, *wa'd* lazimnya berada pada peringkat sebelum akad utama atau berkait secara langsung dengan pelaksanaannya. Ketiga, fungsi utamanya ialah menghubungkan komitmen awal dengan tindakan yang diperlukan sebelum akad dibentuk. Pemisahan antara komitmen tersebut dengan akad sebenar menjadi asas penting bagi menilai implikasi penggunaan *wa'd* serta kesannya terhadap kesahihan kontrak.

Implikasi Penggunaan *Wa'd* dalam *Tawarruq Munazzam*

Penggunaan *wa'd* membawa implikasi operasi kerana institusi kewangan perlu mengambil tindakan tertentu sebelum akad utama dimeterai. Dalam struktur *tawarruq*, pemerolehan komoditi oleh institusi kewangan mewujudkan risiko sekiranya pelanggan menarik diri sebelum akad *Murabahah* disempurnakan. Komitmen awal melalui *wa'd* mengurangkan ketidakpastian tersebut dengan meningkatkan keyakinan bahawa transaksi akan diteruskan selepas komoditi diperoleh.

Fungsi ini selari dengan pandangan Yaakub dan Buang (2017) bahawa *wa'd* boleh mewujudkan komitmen awal tanpa menjadikan janji tersebut sebagai akad jual beli yang sempurna. Walau bagaimanapun, tahap keterikatan *wa'd* tidak dinyatakan secara seragam dalam dokumen yang dianalisis. Sebahagian produk menggunakan istilah *wa'd*, *promise* atau *undertaking* tanpa memperincikan sifat keterikatannya, manakala beberapa dokumen menggunakan bentuk yang lebih tegas seperti *binding* serta *irrevocable and unconditional*.

Dalam produk deposit pula, terdapat *undertaking* yang disokong oleh *Hamish Jiddiyyah*. Berdasarkan variasi ini, *wa'd* dalam amalan perbankan tidak boleh dianggap mempunyai tahap keterikatan yang sama bagi setiap produk. Kesannya perlu dinilai berdasarkan bahasa yang digunakan dalam dokumentasi serta mekanisme yang menyokong komitmen tersebut.

Bentuk keterikatan yang lebih tegas berlaku apabila pelanggan memberikan *wa'd* yang tidak boleh dibatalkan dan tanpa syarat. Dalam keadaan tersebut, komitmen yang diberikan tidak lagi terbatas kepada tuntutan moral kerana institusi kewangan boleh mengambil tindakan berdasarkan janji berkenaan. Namun, kekuatan komitmen tidak dengan sendirinya menjadikan *wa'd* sebagai akad. Penentuan tersebut bergantung pada sama ada jual beli sebenar masih memerlukan akad berasingan selepas syarat berkaitan pemilikan dan subjek kontrak dipenuhi.

Implikasi kemungkiran juga perlu dibezakan antara pelanggaran *wa'd* pada peringkat pra-akad dengan kegagalan memenuhi obligasi selepas akad. Sebahagian dokumen memperuntukkan *ta'widh*, *set-off*, penamatan kemudahan, tindakan undang-

undang dan remedi lain apabila berlaku *default*. Namun, remedi tersebut tidak semestinya berpunca secara langsung daripada pelanggaran *wa'd*.

Dalam banyak keadaan, peruntukan berkenaan berkait dengan kegagalan pelanggan membayar jumlah yang telah menjadi hutang selepas akad *Murabahah* dilaksanakan. Atas sebab itu, remedi selepas akad tidak wajar digunakan secara automatik sebagai bukti bahawa pelanggaran *wa'd* pada peringkat pra-akad menghasilkan implikasi kewangan yang sama.

Perbezaan tersebut dapat dijelaskan melalui dokumentasi Pembiayaan Peribadi Awam-i CIMB Islamic. Terma dan syarat produk mengklasifikasikan pelanggaran terhadap *undertaking, wa'd, covenant or obligation* sebagai salah satu bentuk *Event of Default*, manakala kegagalan membayar Harga Jualan Bank dinyatakan melalui klausa yang berasingan (CIMB Islamic Bank Berhad, 2025).

Pemisahan ini penting kerana pelanggaran komitmen dan kemungkiran pembayaran selepas akad merupakan dua keadaan yang berbeza, walaupun kedua-duanya boleh membawa kepada tindakan lanjut oleh institusi kewangan. Dalam perbahasan fiqh mengenai *wa'd*, implikasi yang lebih relevan ialah tuntutan terhadap kerugian sebenar apabila pihak penerima janji telah menanggung kos akibat bergantung pada komitmen yang diberikan.

Pampasan akibat kemungkiran *wa'd* dalam konteks tersebut berkait dengan kerugian sebenar dan bukan keuntungan yang dijangka akan diperoleh. Oleh itu, tahap keterikatan *wa'd* perlu dinilai bersama bentuk liabiliti yang timbul apabila janji tidak dipenuhi. Tahap pendedahan mengenai *wa'd* dalam dokumen produk juga tidak seragam. Sesetengah dokumen menerangkan kedudukan *wa'd* dan urutan transaksi dengan jelas, manakala dokumen lain memberikan tumpuan yang lebih besar kepada akad *Commodity Murabahah*, mekanisme pembayaran dan akibat *default*.

Kekurangan penerangan mengenai *wa'd* dalam sesuatu dokumen tidak boleh terus dianggap sebagai bukti bahawa komitmen tersebut tidak digunakan kerana analisis kajian bergantung pada kandungan dokumen yang boleh diakses. Namun, perbezaan tahap pendedahan tetap relevan dari sudut ketelusan apabila *wa'd* membawa tanggungjawab tertentu kepada pihak yang memberikan janji.

Justeru, implikasi penggunaan *wa'd* perlu dinilai melalui dua dimensi yang berkaitan. Dari sudut institusi kewangan, *wa'd* membantu mengurangkan ketidakpastian dan risiko penarikan diri sebelum akad. Dari sudut pihak yang memberikan janji, tahap keterikatan dan akibat kemungkiran perlu dinyatakan dengan jelas supaya komitmen pra-akad tidak bercampur dengan obligasi yang lahir selepas akad.

Persoalan utama dengan itu bukan sekadar sama ada *wa'd* mengikat, tetapi bagaimana keterikatan tersebut dibentuk, dikuatkuasakan dan dipisahkan daripada tanggungjawab kontraktual yang timbul selepas akad.

Kesahihan Kontrak dalam *Tawarruq Munazzam*

Kesahihan kontrak tidak boleh ditentukan berdasarkan kewujudan *wa'd* semata-mata. Penilaian perlu mengambil kira hubungannya dengan akad utama serta kedudukan setiap tindakan dalam keseluruhan urutan transaksi. Hasil analisis mendapati bahawa *wa'd* secara dominan berfungsi sebagai komitmen menuju atau menyokong pelaksanaan akad utama. Dalam struktur *tawarruq*, janji tersebut mendahului pemerolehan komoditi dan akad *Murabahah*. Kedudukan ini membezakan *wa'd* daripada kontrak jual beli yang dibentuk pada peringkat berikutnya.

Menurut Bantekas (2024), kesahihan kontrak dalam fiqh berkait dengan pemenuhan unsur asas seperti pihak yang berakad, *sighah* serta perkara yang menjadi subjek akad. *Wa'd* tidak dengan sendirinya memenuhi keseluruhan unsur tersebut kerana sifatnya ialah janji terhadap tindakan pada masa hadapan. Kewujudan *wa'd* dengan itu tidak menghasilkan jual beli secara automatik.

Dalam produk yang dianalisis, pemisahan ini dikenal pasti apabila janji diberikan terlebih dahulu, sedangkan akad *Murabahah* hanya berlaku selepas institusi kewangan

memperoleh komoditi dan proses jual beli dilaksanakan. Kedudukan tersebut selari dengan keputusan Bank Negara Malaysia (2017) yang mentakrifkan *wa'd* sebagai janji terhadap tindakan patuh Syariah pada masa hadapan.

Walaupun *wa'd* boleh bersifat mengikat, sifat tersebut tidak semestinya mengubahnya menjadi akad selagi akad utama masih perlu dibentuk secara berasingan. Oleh itu, persoalan kesahihan tidak hanya bergantung pada kekuatan keterikatan *wa'd*, tetapi juga pada sama ada komitmen tersebut telah mengambil alih fungsi akad sebelum syarat-syarat jual beli dipenuhi.

Persoalan ini mempunyai kaitan langsung dengan *muwa'adah*. Berdasarkan dokumen yang dianalisis, tidak dikenal pasti keterangan yang jelas bahawa penggunaan *wa'd* membentuk dua janji timbal balik yang mengikat kedua-dua pihak secara serentak sehingga menghasilkan kesan akad sebelum akad sebenar dilaksanakan. Sebaliknya, dokumentasi yang tersedia secara umumnya merekodkan komitmen daripada satu pihak sebelum akad utama dibentuk pada peringkat berikutnya. Dapatan ini lebih hampir dengan ciri *wa'd* unilateral.

Walau bagaimanapun, kesimpulan tersebut terbatas kepada dokumen yang dianalisis dan tidak bermaksud bahawa keseluruhan dokumentasi dalaman institusi telah diperiksa. Tahap keterikatan yang lebih kuat dalam sebahagian produk tetap memerlukan perhatian. Istilah seperti *binding* dan *irrevocable and unconditional*, serta penggunaan *Hamish Jiddiyyah*, memberikan kesan operasi yang lebih ketara berbanding janji yang hanya bersifat moral. Namun demikian, unsur tersebut belum mencukupi untuk menyimpulkan kewujudan *muwa'adah* atau ketidaksahan kontrak.

Penilaian masih perlu menentukan sama ada kedua-dua pihak terikat secara timbal balik, sama ada jual beli telah terbentuk melalui janji tersebut dan sama ada akad utama dilaksanakan secara berasingan. Pendekatan ini selari dengan piawaian AAOIFI yang menerima penggunaan *wa'd* unilateral, di samping memberi perhatian kepada struktur janji yang boleh menghasilkan kesan menyerupai akad yang sempurna (AAOIFI, 2013).

Dalam konteks kajian ini, pemisahan antara *wa'd* dan akad masih dapat dikenal pasti melalui urutan dokumentasi. Keterikatan *wa'd* oleh itu lebih sesuai dinilai berdasarkan darjah dan fungsinya dalam transaksi, bukannya dianggap secara automatik sebagai bukti bahawa akad telah terbentuk lebih awal. Kesahihan *tawarruq* juga bergantung pada kewujudan dan pemilikan komoditi, bukan hanya pada kedudukan *wa'd*.

Bursa Malaysia Islamic Services Sdn. Bhd. (2023) menetapkan bahawa komoditi yang digunakan dalam Bursa Suq al-Sila' mestilah wujud, dimiliki secara sah, bebas daripada bebanan serta boleh diserahkan dalam bentuk yang ditetapkan. Syarat tersebut mengekalkan pemilikan dan pemindahan milik sebagai unsur penting dalam jual beli. Walaupun pelanggan telah memberikan komitmen untuk membeli, institusi kewangan masih perlu memperoleh komoditi terlebih dahulu sebelum akad *Murabahah* dilaksanakan.

Perbezaan turut perlu dibuat antara kesahihan teknikal kontrak dengan penilaian terhadap tujuan dan kesan struktur secara lebih luas. Saeed et al. (2025) membangkitkan persoalan terhadap *tawarruq munazzam* dari perspektif *maqasid al-Shari'ah*, khususnya berkaitan tempoh pemilikan dan *qabd* yang singkat serta kecenderungan transaksi kepada penciptaan hutang.

Kritikan tersebut tidak semestinya membatalkan kontrak dari sudut teknikal fiqh. Sebaliknya, ia membuka ruang untuk menilai sama ada pematuhan terhadap rukun dan syarat minimum turut disertai pencapaian tujuan yang lebih luas dalam transaksi kewangan Islam. Dari sudut fiqh mu'amalat, penilaian ini selari dengan kaedah bahawa hukum asal transaksi kewangan adalah harus dan sah selagi tidak terdapat dalil yang mengharamkan atau membatalkannya. Al-Ma'idi (2017) menyatakan:

الأصل في المعاملات المالية الإباحة، والصحة، ولا يحرم منها ولا يبطل إلا ما دل الشرع على تحريمه

Berdasarkan kaedah tersebut, penggunaan *wa'd* dalam struktur yang dianalisis pada asasnya tidak menjejaskan kesahihan kontrak selagi ia tidak menggantikan akad sebenar, tidak meniadakan syarat pemilikan dan pemindahan aset serta tidak berubah

menjadi komitmen timbal balik yang menghasilkan kesan akad sebelum akad utama dimeterai. Penilaian kesahihan dengan itu perlu mengambil kira keseluruhan urutan transaksi, bukan hanya kekuatan bahasa yang digunakan untuk mengikat *wa'd*.

Secara keseluruhannya, analisis terhadap 21 produk mendapati bahawa *wa'd* digunakan terutama sebagai mekanisme komitmen yang mendahului atau menyokong pelaksanaan akad utama. Arah dan tahap keterikatannya berbeza mengikut struktur produk, tetapi dokumentasi yang dianalisis secara umum masih membezakan *wa'd* daripada akad yang dilaksanakan kemudian.

Bentuk keterikatan seperti *binding*, *irrevocable and unconditional* serta penggunaan *Hamish Jiddiyyah* memberikan fungsi operasi yang lebih kuat kepada *wa'd*, namun unsur tersebut tidak dengan sendirinya menghasilkan *muwa'adah* atau membatalkan kontrak. Kesahihan akhirnya bergantung pada pemisahan antara janji dan akad, pemenuhan rukun serta syarat jual beli dan ketiadaan struktur yang menghasilkan kesan akad sebelum waktunya.

Berdasarkan keseluruhan analisis, penggunaan *wa'd* dalam struktur yang dikaji masih boleh diterima dari sudut kesahihan teknikal kontrak, dengan syarat tahap keterikatan dan kedudukannya terus dinilai secara teliti agar sempadan antara *wa'd*, *muwa'adah* dan akad sebenar kekal jelas.

PENUTUP

Kajian ini mendapati bahawa *wa'd* merupakan komponen penting dalam struktur *tawarruq munazzam* yang diamalkan oleh institusi kewangan Islam di Malaysia. Analisis terhadap 21 produk perbankan menunjukkan bahawa *wa'd* digunakan terutamanya sebagai komitmen pra-kontrak yang mendahului pelaksanaan akad utama, sama ada dalam pembiayaan, deposit mahupun kontrak pertukaran mata wang asing.

Kedudukan tersebut membolehkan komitmen awal dibentuk sebelum akad dilaksanakan, di samping membantu institusi kewangan mengurangkan ketidakpastian transaksi. Pada masa yang sama, dokumentasi yang dianalisis secara umumnya masih membezakan *wa'd* daripada akad utama, suatu pemisahan yang penting dalam penilaian kesahihan kontrak menurut fiqh *mu'amalat*.

Berdasarkan dokumen yang dianalisis, tidak dikenal pasti keterangan yang jelas bahawa penggunaan *wa'd* membentuk *muwa'adah* yang mengikat kedua-dua pihak secara serentak sehingga menghasilkan kesan akad sebelum akad sebenar dilaksanakan. Sebaliknya, struktur dokumentasi secara umum masih menempatkan *wa'd* sebagai komitmen yang berasingan daripada pelaksanaan akad utama.

Kedudukan ini selari dengan keputusan Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia dan piawaian AAOIFI, manakala kesahihan *tawarruq* turut bergantung pada pemenuhan syarat berkaitan pemilikan dan pemindahan komoditi sebagaimana ditetapkan dalam Bursa Suq al-Sila'. Kajian turut mendapati bahawa tahap keterikatan *wa'd* tidak dinyatakan secara seragam antara produk.

Sebahagian dokumen menggunakan *wa'd* atau *undertaking* sebagai komitmen umum, manakala beberapa produk menggunakan bentuk yang lebih tegas seperti *binding*, *irrevocable and unconditional* atau sokongan *Hamish Jiddiyyah*. Variasi ini menunjukkan bahawa penilaian terhadap *wa'd* tidak boleh dibuat berdasarkan kewujudannya semata-mata, sebaliknya perlu mengambil kira bentuk keterikatan, kesan kemungkiran serta hubungannya dengan akad utama.

Walau bagaimanapun, kajian ini mempunyai beberapa keterbatasan. Analisis hanya tertumpu kepada dokumen yang boleh diakses secara awam seperti *Product Disclosure Sheet* (PDS), terma dan syarat serta dokumen aplikasi yang tersedia. Dokumen kontrak penuh seperti surat tawaran (*offer letter*) dan dokumen pelaksanaan dalaman yang digunakan oleh institusi kewangan tidak dapat diperoleh bagi semua produk yang dianalisis.

Oleh itu, penilaian kajian ini terbatas kepada maklumat yang dinyatakan dalam dokumen rasmi yang tersedia kepada umum dan tidak mewakili keseluruhan dokumentasi

serta proses dalaman institusi kewangan. Kajian lanjutan disarankan untuk meneliti dokumen kontrak sebenar serta menjalankan temu bual dengan pihak berkepentingan seperti pegawai Shari'ah, pegawai produk, pengamal perbankan Islam dan ahli penasihat Shari'ah bagi memahami pelaksanaan *wa'd* di peringkat operasi.

Pendekatan tersebut dapat memperluas penilaian terhadap implikasi *wa'd* dari sudut *maqasid al-Shari'ah* serta memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai kedudukannya dalam struktur *tawarruq munazzam*.

RUJUKAN

AAOIFI. (2006). Shari'ah standard no. 30: Monetization (Tawarruq). Manama: Accounting and Auditing Organisation for Islamic Financial Institutions.

Abdul Razak, N.A., Ahmad, S., & Zakaria, Z. (2025). Protecting Islamic users in e-payment transaction: The Islamic perspective. Samarah: Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam, 9(1), 299–320.

Abdullah Thaidi, H. 'A., Farooq, M., Ab Rahman, M.F., & Jangebe, H.A. (2024). Voidable financial contracts ('Uqud Fasidah) and the rectification mechanisms: A fiqh juristic review. Journal of Fatwa Management and Research, 29(2), 58–80.

Abdullah, M. F., & Ab Rahman, A. (2015). The status of muwa'adah and wa'dan in the Syari'ah. Jurnal Fiqh, 12, 113–138.

Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI). (2013). Shariah standard no. 49: Unilateral and bilateral promise. Manama: AAOIFI.

Ahmad, A.A., Zain, M.N.M., & Zakaria, N.D.A. (2024). The position of smart contracts in the light of Islamic contract theory. Samarah: Jurnal Hukum Keluarga dan Hukum Islam, 8(1), 144–171.

Ahmed, S. K., Mohammed, R. A., Nashwan, A. J., Ibrahim, R. H., Abdalla, A. Q., Ameen, B. M. M., & Khdhir, R. M. (2025). Using thematic analysis in qualitative research. Journal of Medicine, Surgery, and Public Health, 6, 100198. https://doi.org/10.1016/j.glmedi.2025.100198

Al-Ma'idi, 'A. ibn R. (2017). Ahkam 'Uqud al-Tamwil fi al-Fiqh al-Islami (1st ed.). Sevilla: Dar Kunuz Ishbiliya lil-Nashr wa al-Tawzi'.

Al-Nuri, S.A.M., al-Nuri, I.M., 'Id, A. 'A.R., al-Zamili, A.I., & al-Sa'idi, M.M.Kh. (Eds.). (1992). Al-Jami' fi al-Jarh wa al-Ta'dil (Vols. 1–3). 'Alam al-Kutub.

Al-Rushud, Riyad ibn Rashid 'Abd Allah. (2013). Al-tawarruq al-masrifī. Wizarat al-Awqaf wa-al-Shu'un al-Islamiyyah.

Al-Subki, T. (1995). Fatawa al-Subki. Beirut: Dar al-Ma'rifah.

Al-Zamakhshari, M. (1998). Asas al-Balaghah. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Al-Zuhayli, W. (1997). Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh (4th ed.). Damascus: Dar al-Fikr.

AmBank Islamic Berhad. (2020). Product disclosure sheet – PENJANA Tourism Financing with Guarantee by Syarikat Jaminan Pembiayaan Perniagaan Berhad (SJPP): SME Term Financing-i (PDS/SMESJPP/PenjanaTourism/102020).

AmBank Islamic Berhad. (2023). Product disclosure sheet – SME Term Financing-i (PDS/SMETF-i/102023(v1)).

AmBank Islamic Berhad. (2025a). Product disclosure sheet – Credit Card-i (AmBI/PDS/171225).

AmBank Islamic Berhad. (2025b). Product disclosure sheet – Personal Financing-i based on the Murabahah Tawarruq concept (MTQ Personal Financing-i) – BPA (042025).

AmBank Islamic Berhad. (2025c). Product disclosure sheet: TRUE Savers Account-i (PDS/TRUESA-i/FTFC V2-2025).

Amin, H., Suhartanto, D., Ali, M., Ghazali, M.F., Rizal, H., & Razak, D.A. (2022). Maqasid-based consumer preference index for tawarruq personal financing. International Journal of Islamic Economics and Finance (IJIEF), 5(1), 1–30.

Aprianto, N.E.K., & Nazilah, I.R. (2023). Analysis of the concept of tawarruq in the perspective of sharia economic law. El-Uqud: Jurnal Kajian Hukum Ekonomi Syariah, 1(1), 47–59.

Asni, F. (2022). The difference of Shariah risk potential and Shariah risk in personal financing products based on tawarruq munazzam contracts practised in Malaysia. Qualitative Research in Financial Markets, 14(1), 95–118.

Asni, F., & Sulong, J. (2018). Non-ethical elements in tawarruq munazzam product for Islamic housing financing in Malaysia. International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences, 8(12), 1013–1023.

Asni, F., Hasbulah, M. H., Ahmad, K. A., Mohd Yusuf, B. N., & Mohammed Noor, A. (2023). Disagreement on tawarruq among Malaysian Shariah advisors: An analysis from ma'alat perspective. Journal of Namibian Studies, 35(S1), 1384–1411.

Bank Islam Malaysia Berhad. (2023a). Lembaran maklumat produk – TWCF-i (Belian) (PMD/PDS/Perdagangan/2023).

Bank Islam Malaysia Berhad. (2023b). Product disclosure sheet – Letter of Credit-i (PMD/PDS/Trade/2023).

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. (2020). Product disclosure sheet – Micro Financing-i (MUsK/MEF) (Version 1).

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. (2021a). Product disclosure sheet – Tawarruq Trade Financing (TTF) (Version 2).

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. (2021b). Product disclosure sheet – Credit Bills Financing-i (CBF-i) (Version 2).

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. (2023). Product disclosure sheet – Education Financing-i (Version 14).

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. (2025a). Product disclosure sheet – Personal Financing-i (Floating Rate) (Version_PF Floating_01).

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. (2025b). Product disclosure sheet – Personal Financing-i (Fixed Rate) (Version_PF Fixed_01).

Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad. (2025c). Product disclosure sheet – Home Financing-i (Manzili) (Version 02/2025/BKRM).

Bank Negara Malaysia. (2010). Resolusi Syariah dalam kewangan Islam (2nd ed.). Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

Bank Negara Malaysia. (2017). Wa'd (Policy document). Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

Bank Negara Malaysia. (2018). Tawarruq (Policy document). Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

Bantekas, I. (2024). Invalid and defective contracts in Islamic legal theory: The rise of a transnational Islamic law. UCLA Journal of Islamic and Near Eastern Law, 21(1), 1–32.

Bursa Malaysia Islamic Services Sdn. Bhd. (2023). Rules of Bursa Suq Al-Sila' (until 27 September 2023). Kuala Lumpur: Bursa Malaysia Islamic Services.

CIMB Islamic Bank Berhad. (2025). Terma dan syarat Pembiayaan Peribadi Awam-i.

CIMB Islamic Bank Berhad. (2026). Product disclosure sheet – Pembiayaan Peribadi Awam-i (Awam-i).

Dewaya, M.A. (2024). Innovation in Islamic finance: A review of organized banking tawarruq. Review of Islamic Social Finance and Entrepreneurship, 3(2), 199–211.

ElSheimy, A. (2026). Towards a genuine Islamic profit rate swap: A murabahah–wakalah hybrid model for shari'ah-compliant hedging. International Journal of Islamic Finance and Sustainable Development, 18(1), 107–126.

Farah, A.A., Mohamed, M.A., Farah, M.A., Yusuf, I.A., & Abdulle, M.S. (2025). Impact of Islamic banking on economic growth: A systematic review of SCOPUS-indexed studies (2009–2024). Cogent Economics & Finance, 13(1), 2490819.

Ghazali, N.M., Sawari, M.F.M., Ghalia, B., & Alhabshi, S.M.S.J. (2025). Exploring financial derivatives through Shariah principles: Identifying parallels in Islamic jurisprudence and modern finance. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies, 34(2), 36–47.

Hasmad, N., & Alosman, A. (2022). An overview of the wide extent of tawarruq implementation in Malaysia Islamic banking products. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies, 26(1), 37–55.

Ibn al-'Arabi, M. (2003). Ahkam al-Qur'an. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

Ibn Faris, A. (1979). Mu'jam Maqayis al-Lughah. Damascus: Dar al-Fikr.

Ibn Taymiyyah, A. (1998). Al-Ikhtiyarat al-Fiqhiyyah. Riyadh: Dar al-'Asimah.

Ionas, D.G. (2023, April 6–7). The unilateral promise to enter a contract [Conference presentation]. RAIS Conference Proceedings.

Ishak, M. S. I., Mahmad Robbi, A. A., Asni, F., & Mohd Dasar, M. H. (2025). The principle of maalat in dealing with the issue of tawarruq overuse in Islamic banking in Malaysia. Journal of Islamic Accounting and Business Research. Advance online publication. https://doi.org/10.1108/JIABR-08-2024-0304

Kamil, N.K.M. (2020). Tawarruq and wa'd as main ingredients of Islamic structured investment: Food for thought. International Journal of Economics, Management and Accounting, 28(1), 255–275.

Majlis Penasihat Shariah Bank Negara Malaysia. (2017). Keterikatan Wa'd Dan Muwa'adah Serta Kesannya. Dalam Kompilasi Keputusan Syariah dalam Kewangan Islam (Edisi Ketiga) (h. 130). Bank Negara Malaysia.

Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia. (2010). Resolutions of Shariah Advisory Council Bank Negara Malaysia: Late payment charge mechanism for Islamic banking institutions (Meeting No. 95 & 101, January–May 2010). Kuala Lumpur: Bank Negara Malaysia.

Maybank Islamic Berhad. (2024). Business Recapitalisation Facility-i (BRF-i) product disclosure sheet (valid from September 2024).

Maybank Islamic Berhad. (t.th.-a). SME Property & Business Financing-i (SME PBF-i) product disclosure sheet.

Maybank Islamic Berhad. (t.th.-b). Appendix: What is the Shariah contract applicable?

Mohammadi, M.T.S.H., & Jan, M.N.I. (2024). Intention to create legal relations in Islamic law of contracts. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies, 33(2), 62–83.

Mohd Fadzil, B.N., & Ahmad, A.A. (2025). Analisis fiqh terhadap kriteria penilaian sukuk oleh Majlis Penasihat Syariah. BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences, 8(4), 245–261.

Mohd Noh, M.S., Nor Azelan, S.H., & Zulkepli, M.I.S. (2025). A review on gharar dimension in modern Islamic finance transactions. Journal of Islamic Accounting and Business Research, 16(5), 976–989.

Mohd Tarmizi, M.N., Buang, A.H., & Daud, M.Z. (2023). Pengoperasian kontrak tawarruq dalam sistem teras perbankan Islam di Malaysia. Journal of Contemporary Islamic Law, 8(1), 51–68.

Public Islamic Bank Berhad. (2024). Foreign Currency Term Financing-i (FCY TF-i) product disclosure sheet (IPD047/REV161224).

RHB Islamic Bank Berhad. (2025b). Personal Financing-i for Private Sector (Variable Rate) product disclosure sheet (Effective date: 11 July 2025).

RHB Islamic Bank Berhad. (2025c). Commodity Murabahah Deposit-i (CMD-i) product disclosure sheet (Last updated: July 2025, ver. 8.0).

Saeed, A.M.E., Hamdan, H.B., Razak, D.B.A., & Khaliq, A. (2025). Organized tawarruq in Bursa Souq al-Sila', Malaysia: A critical examination of Shariah compliance. South East Asia Journal of Contemporary Business, Economics and Law, 35(1), 84–93.

Saiman, M.Z., & Hussain, A. (2023). Penalties for cancelling locked gold purchase orders in online trading. Journal of Muamalat and Islamic Finance Research, 20(2), 99–111.

Šeho, M., Bacha, O.I., & Smolo, E. (2024). Bank financing diversification, market structure, and stability in a dual-banking system. Pacific-Basin Finance Journal, 86, 102461. https://doi.org/10.1016/j.pacfin.2024.102461

'Uthmani, M.T. (2000). 'Uqud al-Tawrid wa al-Munaqasat. Majallah Majma' al-Fiqh al-Islami, 12(12), 677.

Wizarat al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah. (1983–2006). Al-Mawsu'ah al-Fiqhiyyah al-Kuwaitiyyah. Kuwait: Wizarat al-Awqaf wa al-Shu'un al-Islamiyyah.

Yaakub, F., & Buang, A. H. (2017). Kedudukan janji dalam undang-undang Islam dan Akta Kontrak 1950. Journal of Shariah Law Research, 2(1), 1–20.

Zaidi, M. (2024). Linguistic clarity in mudharabah contracts: Ensuring transparency and fairness in Indonesian Islamic financial institutions. Journal of Languages and Language Teaching, 12(2), 708–722. https://doi.org/10.33394/jollt.v12i2.9658

Zakaria, L.A. (2023). Aplikasi wa'd dan tawarruq dalam swap: Analisis dari perspektif fiqh (Unpublished doctoral dissertation). Universiti Malaya.

Zakaria, L.A., Mohd Razif, N.F., & Abdul Rahman, N. (2021). Pendekatan Malaysia terhadap aplikasi wa'd dalam produk kewangan Islam. Journal of Fatwa Management and Research, 26(1), 51–70.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.